

Title RBPF/TPROC/RC/001/2023-T THE SUPPLY AND FITTING OF TYRES, TUBELESS VALVE, WHEEL BALANCING, WHEEL ALIGNMENT AND CAMBER SERVICES FOR DIFFERENT TYPES OF POLICE VEHICLES - FIVE (5) YEARS CONTRACT



Closing Date 22/04/2025

MEMORANDUM

Daripada: Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei

Kepada: Pengarah Penerangan

Tarikh:

27
28

Februari 1446
Sya'ban 2025

Rujukan Tuan: Proc/PDB/Adv 25/26

IKLAN TAWARAN

Dengan hormatnya sukacita dipohonkan kerjasama pihak Tuan untuk mengiklankan tawaran yang disertakan bersama ini didalam Akhbar Rasmi Pelita Brunei sebanyak Empat (4) kali keluaran berturut-turut pada **24, 25, 26 dan 27 Mac 2025**.

1. Tarikh terakhir mengambil borang tawaran pada hari Selasa, **15 April 2025**.
2. Tarikh tutup iklan bagi tawaran tersebut adalah pada hari Selasa, **22 April 2025**.

Kerjasama pihak Tuan dalam perkara ini adalah sangat-sangat diharapkan dan diucapkan terima kasih.

Sekian.

Mohd Saifullah Bin Pengiran Indera Setia

**(PENGIRAN ANAK HAJI MOHD SAIFULLAH BIN PENGIRAN INDERA SETIA
DIRAJA SAHIBUL KARIB PENGIRAN ANAK HAJI IDRIS) SAC.,**

Pengarah

Jabatan Pentadbiran Am dan Kewangan
bp. Pesuruhjaya Polis

sk:

- > Yang Mulia Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Jabatan Perdana Menteri
- > Ketua Bahagian Kewangan
- > Pemangku Pengarah Logistik
- > Ketua Bahagian Kenderaan dan Bengkel, Jabatan Logistik
- > Bahagian Kewangan (Bahagian Hasil)
- > Bahagian Urusetia (Untuk dimasukkan dalam Website)



PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI

Penender – penender adalah di pelawa untuk mengemukakan tawaran bagi 1 kerja berikut:

1. RBPF/TPROC/RC/001/2023-T

THE SUPPLY AND FITTING OF TYRES, TUBELESS VALVE, WHEEL BALANCING, WHEEL ALIGNMENT AND CAMBER SERVICES FOR DIFFERENT TYPES OF POLICE VEHICLES – FIVE (5) YEARS CONTRACT

Yuran Tawaran: \$500.00 (Tidak Dikembalikan)

Dokumen tawaran boleh di perolehi daripada **Unit Pembelian dan Perbekalan, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Pasukan Polis Diraja Brunei Jalan Tungku Gadong** pada waktu bekerja iaitu **Hari Isnin hingga Hari Khamis dari Jam 8.00 Pagi hingga 11.30 Pagi dan 2.00 Petang hingga 3.00 Petang dan Hari Sabtu dari jam 8.00 Pagi hingga 11.30 Pagi.**

WAKTU BEROPERASI SEMASA BULAN RAMADHAN

<u>HARI</u>	<u>JAM</u>
ISNIN-KHAMIS	8:00 – 11:00 PAGI
SABTU	8:30 -10:00 PAGI

Syarat-Syarat Penyertaan:

1. Tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran pada **15 April 2025 (Selasa)**
2. Tawaran – tawaran hendaklah dihantar ke alamat yang tersebut dibawah dalam sampul surat yang tertutup dengan ditulis bilangan dan nama tawaran tanpa menunjukkan identity pemborong. Tarikh Tutup **tidak lewat jam: 2.00 Petang, hari Selasa 22 April 2025.**

HANTAR KE ALAMAT:

**Pengerusi
Lembaga Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri,
Level 1 Bangunan Jabatan Perdana Menteri
Jalan Menteri Besar,
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam**

3. Yuran tawaran dikehendaki dibayar dengan **WANG TUNAI** sahaja dan bayaran dokumen tawaran tidak akan dikembalikan kepada mana-mana penender sama ada yang berjaya atau tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bon-fide tender).
4. Borang Pengakuan Penender hendaklah diisikan dengan lengkap dengan menyatakan bahawa syarikat yang ikut serta tidak mempunyai kepentingan atau pertalian keluarga dalam syarikat-syarikat lain yang menyertai tawaran sama dan menyenaraikan nama-nama pekerja tempatan yang bekerja di syarikat yang mengikuti tawaran.
5. Borang tawaran hendaklah menyertakan salinan:
 - i. Sijil Pendaftaran Perniagaan 16 & 17 yang masih sah yang menyenaraikan butir-butir perniagaan seperti nama, bilangan pendaftaran dan negeri asal, nombor kad pengenalan atau passport pemilik.
 - ii. Surat Pengesahan pematuhan Akta Tabung Amanah Pekerja Penggal 167 dengan menyatakan rujukan pendaftaran dan caruman bagi setiap pekerja kontrak, bergaji hari atau pekerja sementara,
 - iii. senarai pekerja yang menyenaraikan jumlah dan bilangan (%) pekerja asing dan pekerja tempatan (contoh format ada disertakan).
6. Syarikat-syarikat yang berdaftar di bawah Akta Syarikat-syarikat Penggal 39 hendaklah menyertakan:
 - i. Salinan Sijil Pematuhan Cukai yang dikeluarkan oleh pihak Pemungut Cukai Pendapatan selaras dengan Bab 52(1) Akta Cukai Pendapatan Penggal 35.
 - ii. Salinan surat pengesahan mengenai tarikh terakhir menghantar Penyata Tahunan (Annual Returns) kepada Pendaftar Syarikat-Syarikat termasuk tahun syarikat mengadakan "Annual General Meeting".
7. Salinan resit pembayaran hendaklah disertakan bersama borang dokumen tawaran.
8. Mana-mana tawaran yang diterima selepas tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.